

KATA PASCAKATA

Kata pascakata bermaksud bentuk kata yang hadir selepas perkataan, iaitu *-nya*. Kata pascakata terbahagi kepada dua jenis, iaitu **kata penekan** dan **kata pembenda**.

Kata Penekan

Kata penekan ialah bentuk *-nya* yang memberikan penegasan kepada perkataan yang bergabung dengannya.

Contoh:

<i>sesungguhnya</i>	<i>nampaknya</i>
<i>bahawasanya</i>	<i>sebaik-baiknya</i>
<i>sebenarnya</i>	<i>sebetulnya</i>
<i>seandainya</i>	<i>sekiranya</i>

Contoh dalam ayat:

1. Kamu *sebaik-baiknya* hanya berdiam diri.
2. Kami akan berhenti sebentar *sekiranya* hujan turun.
3. *Sesungguhnya* hanya Tuhan yang maha mengetahui.
4. Pergilah dahulu *seandainya* saya lambat tiba.
5. *Sebenarnya* ada sesuatu yang dirahsiakan oleh Alia.

Kata Pembenda

Kata penekan ialah bentuk *-nya* yang menjadikan sesuatu perkataan yang bukan kata nama menjadi kata nama.

Contoh:

<i>lajunya</i>	<i>tibanya</i>
<i>lantangnya</i>	<i>harumnya</i>
<i>sakitnya</i>	<i>berdirinya</i>
<i>panjangnya</i>	<i>turunnya</i>

Contoh dalam ayat:

1. Air sungai mengalir dengan *derasnya*.
2. Kami bersedih mengenangkan *perginya* yang tidak kami jangka.
3. Dia membawa seutas tali yang *panjangnya* kira-kira dua meter.
4. *Berdirinya* saya di sini adalah untuk mematahkan hujah-hujah pihak pembangkang.
5. Dengan *terbitnya* buku ini, diharap para petani dapat mempelajari teknik-teknik pertanian. .